

DECLARATION CLAUSES

Consent to Data Sharing

CONSENT FOR DISCLOSURE BETWEEN THE BANK AND TNGD: I/We hereby agree and authorise CIMB Bank Berhad [Registration No. 197201001799 (13491-P)] (“**the Bank**”) and TNG Digital Sdn Bhd [Registration No. 201701042478 (1256651-M)] (“**TNGD**”) to disclose any information relating to me/us, the business, this application, the **SME Quick Biz Financing** (“**the Loan**”) and/or any accounts maintained by me/us with the Bank and/or CIMB Islamic Bank Berhad and/or my/our Touch ‘n Go eWallet to each other and/or to their respective agents, vendors and sub-contractors, as applicable, for facilitating this application, disbursement, operations, debt collection and/or any other purposes relating to the Loan. I/We also authorize such disclosure to enable the creation and maintenance of credit, behavioral and risk related models for automated credit or suitability scoring and/or any purpose relating to audit, compliance and risk management purposes or functions and to enable both the Bank and TNGD to better understand my/our current and future needs and financial situation to recommend selected products which may be of interest to me/us.

KEBENARAN UNTUK PENDEDAHAN ANTARA BANK DAN TNGD: Saya/Kami dengan ini bersetuju dan membenarkan CIMB Bank Berhad [Registration No. 197201001799 (13491-P)] (“**the Bank**”) dan TNG Digital Sdn Bhd [Registration No. 201701042478 (1256651-M)] (“**TNGD**”) untuk mendedahkan sebarang maklumat yang berkaitan dengan saya/kami, perniagaan, permohonan ini, **SME Quick Biz Financing** (“**Pinjaman**”) dan/atau mana-mana akaun yang dikendalikan oleh saya/kami dengan Bank dan/atau CIMB Islamic Bank Berhad dan/atau Touch ‘n Go eWallet saya/kami kepada satu sama lain dan/atau kepada ejen, vendor serta subkontraktor masing-masing, sebagaimana yang berkenaan, bagi tujuan memudahkan permohonan ini, pengeluaran, operasi, kutipan hutang dan/atau apa-apa tujuan lain yang berkaitan dengan Pinjaman. Saya/Kami juga membenarkan pendedahan sedemikian bagi membolehkan pembentukan dan penyelenggaraan model kredit, tingkah laku dan risiko bagi penilaian kredit atau kesesuaian secara automatik dan/atau apa-apa tujuan berkaitan dengan audit, pematuhan dan fungsi pengurusan risiko serta bagi membolehkan Bank dan TNGD memahami dengan lebih baik keperluan dan situasi kewangan saya/kami pada masa kini dan masa hadapan untuk mencadangkan produk terpilih yang mungkin relevan kepada saya/kami.

Declaration/ Disclosure by Applicant

[\[https://www.cimb.com.my/content/dam/cimb/personal/documents/declaration/financing/personal-financing/conventional/e-zi-cash-personal-financing/e-zi-cash-personal-financing-declaration.pdf\]](https://www.cimb.com.my/content/dam/cimb/personal/documents/declaration/financing/personal-financing/conventional/e-zi-cash-personal-financing/e-zi-cash-personal-financing-declaration.pdf)

Declaration/Disclosure By Applicant

Pengisytiharan/Pendedahan Oleh Pemohon

By submitting this application, I/We confirm that I/We have made the following declarations:-

Dengan mengemukakan permohonan ini, saya/kami mengesahkan bahawa saya/kami telah membuat pengisytiharan berikut:-

- 1. ACCURATE & COMPLETE INFORMATION:** All the information given by me/us in the application for **SME Quick Biz Financing** (“**Loan**”) is true, accurate and complete. I/We have not withheld any information which may prejudice the Loan application or have a bearing on CIMB Bank Berhad’s [Registration No. 197201001799 (13491-P)] (“**the Bank**”) decision. I/We also understand that if any document or information provided by me/us is forged, inaccurate, untrue or fraudulent or there are changes to such documents or information, the Bank may reject the Loan application or vary the

Loan amount accordingly. If any information provided by me/us or contained in the Loan application (including my/our email address) is inaccurate or incomplete or does not contain the latest information, I/we acknowledge and agree that I/we must first request to update my information before proceeding with the Loan application.

MAKLUMAT TEPAT & LENGKAP: *Semua maklumat yang saya/kami berikan dalam permohonan ini untuk SME Quick Biz Financing (“Pinjaman”) adalah benar, tepat dan lengkap. Saya/Kami tidak menyembunyikan sebarang maklumat yang mungkin memprasangkakan permohonan Pinjaman saya/kami atau memberi kesan ke atas keputusan CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran 197201001799 (13491-P)] (“Bank”). Saya/Kami juga faham bahawa jika sebarang dokumen atau maklumat yang saya/kami berikan adalah palsu, tidak tepat, tidak benar atau berunsur penipuan atau terdapat perubahan pada dokumen atau maklumat tersebut, Bank boleh menolak permohonan saya/kami atau mengubah jumlah Pinjaman dengan sewajarnya. Jika sebarang maklumat yang saya/kami berikan atau terkandung dalam permohonan Pinjaman ini (termasuk alamat e-mel saya/kami) adalah tidak tepat atau tidak lengkap atau tidak mengandungi maklumat terkini, saya/kami mengakui dan bersetuju bahawa saya/kami mesti terlebih dahulu meminta untuk mengemas kini maklumat saya/kami sebelum meneruskan permohonan Pinjaman ini.*

2. **THE BANK’S RIGHT TO REJECT:** I/We acknowledge that the Loan is provided by the Bank and the Bank reserves the right to reject the Loan application without assigning any reasons whatsoever. I/We agree the Bank may cancel and terminate the Loan even after the Loan is approved and/or after I/We have accepted the Loan due to any of the following reasons:

HAK BANK UNTUK MENOLAK: *Saya/Kami mengakui bahawa Pinjaman adalah disediakan oleh Bank dan Bank berhak untuk menolak permohonan Pinjaman ini tanpa memberikan sebarang sebab. Saya/Kami bersetuju bahawa Bank boleh membatalkan dan menamatkan Pinjaman walaupun selepas Pinjaman diluluskan dan/atau selepas saya/kami telah menerima Pinjaman, atas mana-mana sebab berikut:*

- (a) the Loan cannot be disbursed within fourteen (14) days from my/our acceptance of the Loan offer or such other period as the Bank may decide because I/we have given an incorrect current account number;
Pinjaman tidak dapat dikeluarkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan tawaran Pinjaman oleh saya/kami atau tempoh lain yang diputuskan oleh Bank kerana saya/kami telah memberikan nombor akaun semasa yang salah;
- (b) information or data given by me/us is false, inaccurate and/or incomplete;
maklumat atau data yang saya/kami berikan adalah palsu, tidak tepat dan/atau tidak lengkap;
- (c) there are material changes to my/our financial and/or business condition;
terdapat perubahan ketara pada keadaan kewangan dan/atau perniagaan saya/kami;
- (d) my/our accounts held with the Bank or CIMB Islamic Bank Berhad [Registration No. 200401032872 (671380-H)] (“**CIMB Islamic Bank**”) are not operated satisfactorily;
*akaun saya/kami yang dipegang dengan Bank atau CIMB Islamic Bank Berhad [Registration No. 200401032872 (671380-H)] (“**CIMB Islamic Bank**”) tidak dikendalikan dengan memuaskan;*

- (e) disruption caused by any failure or breakdown or malfunction of any system, server, equipment or software used in connection with the Loan beyond the Bank's reasonable control;
gangguan yang disebabkan oleh sebarang kegagalan atau kerosakan atau ketidakfungsian system, pelayan computer, peralatan atau perisian yang digunakan berkenaan dengan Pinjaman yang di luar kawalan munasabah Bank;
- (f) an event or circumstance occurs which has an adverse effect on my/our business, asset or financial condition or my/our ability to comply with the obligations under the Loan; or
berlaku kejadian atau keadaan yang mempunyai kesan buruk ke atas perniagaan, aset atau keadaan kewangan saya/kami, atau keupayaan saya/kami untuk mematuhi obligasi di bawah Pinjaman; atau
- (g) the Bank considers that I/we may be in default or unable to repay the Loan and/or to comply with my/our obligations under the terms and conditions of the Loan.
Bank menganggap bahawa saya/kami akan mungkir atau tidak mampu membayar balik Pinjaman dan/atau mematuhi obligasi saya/kami di bawah terma-terma dan syarat-syarat Pinjaman.

I/We agree that the Bank is not obliged to disclose the reason(s) or give prior notice to me/us but the Bank will inform me/us of the cancellation accordingly.

Saya/Kami bersetuju bahawa Bank tidak wajib untuk mendedahkan sebab atau memberikan notis terdahulu kepada saya/kami tetapi Bank akan memaklumkan saya/kami tentang pembatalan tersebut.

- 3. BANKRUPTCY & LEGAL ACTION:** I/We have not committed any act of bankruptcy and/or been adjudged a bankrupt and there is no on-going legal action against me/us.

KEBANKRAPAN & TINDAKAN UNDANG-UNDANG: *Saya/Kami tidak pernah melakukan sebarang tindakan kebangkrapan dan/atau dihakimi sebagai bankrap dan tiada tindakan undang-undang yang sedang diambil terhadap saya/kami.*

- 4. AUTHORISE THE BANK TO OBTAIN EXTERNAL INFORMATION:** I/We consent and authorize the Bank to verify and/or conduct any checks and/or obtain any information and/or confirmation at any time from the relevant source including my previous, current and future employers and/or Central Credit Reference Information System ("**CCRIS**") and/or any credit reference/reporting agencies registered under the Credit Reporting Agencies Act 2010 and/or any financial institution for the purpose of assessing and considering my/our Loan application. I/We also consent and authorise the Bank to disclose any of my/our credit information to any such credit reference/reporting agencies, for such agencies to further transmit the information to their subscribers for purposes of fraud detection and fraud prevention.

MEMBENARKAN BANK UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LUAR: *Saya/Kami dengan ini bersetuju dan membenarkan Bank untuk mengesahkan dan/atau menjalankan sebarang semakan semakan dan/atau mendapatkan sebarang maklumat dan/atau pengesahan pada bila-bila masa daripada sumber yang berkenaan termasuk majikan saya/kami yang terdahulu, semasa dan akan datang dan/atau Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat ("**CCRIS**") dan/atau mana-mana agensi pelaporan/rujukan kredit yang didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 dan/atau mana-mana institusi kewangan bagi tujuan menilai dan mempertimbangkan permohonan Pinjaman saya/kami ini. Saya/Kami juga bersetuju dan membenarkan Bank untuk mendedahkan*

sebarang maklumat kredit saya/kami kepada mana-mana agensi pelaporan/rujukan kredit tersebut, untuk membolehkan agensi tersebut seterusnya menyampaikan maklumat tersebut kepada pelanggan mereka bagi tujuan pengesanan penipuan dan pencegahan penipuan.

5. **DISCLOSURE OF INFORMATION:** I/We hereby agree, consent to and authorize the Bank to disclose any information relating to me/us, the Loan and/or any accounts, products and/or services provided by the Bank to me/us to:

PENDEDAHAN MAKLUMAT: *Saya/Kami dengan ini bersetuju, membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat yang berkaitan dengan saya/kami, Pinjaman dan/atau mana-mana akaun, produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank kepada saya/kami untuk:*

- (a) any of the Bank's agents, service providers, auditors, legal counsel and/or professional advisors, in or outside Malaysia for facilitating and/or protecting the business, operations, facilities and services provided by the Bank and the Group Companies (as defined below);
mana-mana ejen pihak Bank, penyedia perkhidmatan, juruaudit, penasihat undang-undang dan/atau penasihat profesionalnya, di dalam atau di luar Malaysia untuk memudahkan perniagaan, operasi, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Bank dan/atau Syarikat Kumpulan (seperti yang ditakrifkan di bawah);
- (b) the entities within the corporate group of CIMB Group Holdings Berhad, the Bank's ultimate holding company ("**Group Companies**") whether such Group Companies are residing, situated, carrying on business, incorporated or constituted within or outside Malaysia for facilitating the business, operations, provision of the Loan and/or other related services, and performance of the contract by the Bank and Group Companies;
*entiti dalam kumpulan korporat CIMB Group Holdings Berhad, syarikat induk muktamad Bank ("**Syarikat Kumpulan**") sama ada Syarikat Kumpulan tersebut menetap, berada, menjalankan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia untuk memudahkan perniagaan, operasi, penyediaan Pinjaman dan/atau perkhidmatan lain yang berkenaan, serta pelaksanaan kontrak oleh Bank dan/atau Syarikat Kumpulan;*
- (c) any tribunal, courts, governmental agencies or bodies or other relevant authorities to whom the Bank is required to make disclosures or have jurisdiction over the Bank whether in or outside Malaysia in order to comply with any order, demand, request or reporting requirement or for the purposes of litigation or potential litigation involving the Bank as and when required or requested to do so from time to time and at any time;
mana-mana tribunal, mahkamah, agensi atau badan kerajaan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan yang mana Bank dikehendaki membuat pendedahan atau yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank sama ada di dalam atau di luar Malaysia, untuk mematuhi sebarang perintah, tuntutan, permintaan atau keperluan pelaporan atau untuk tujuan litigasi atau kemungkinan litigasi yang melibatkan Bank, sebagaimana dan apabila dikehendaki atau diminta untuk berbuat demikian dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa;
- (d) any financial institution, company and/or organisation that assist or facilitate the processing and/or fulfillment of transactions or instructions that I/we have requested and/or given to the Bank;

mana-mana institusi kewangan, syarikat dan/atau organisasi yang membantu atau memudahkan pemprosesan dan/atau pemenuhan transaksi atau arahan yang telah saya/kami minta dan/atau berikan kepada Bank;

- (e) any potential transferee or assignee with whom the Bank is negotiating the transfer, assignment and novation of the rights or obligations under or by reference to the Loan; and *mana-mana penerima pindahan atau penerima serah hak yang berpotensi dengan mana Bank sedang merundingkan pemindahan, penyerahan hak dan pembaharuan hak atau obligasi di bawah atau dengan merujuk kepada Pinjaman; dan*
- (f) any insurer or takaful provider or insurance/takaful broker or direct or indirect provider of credit protection of the Bank or which is required for the maintenance of the Loan and any of the transaction documents relating to the Loans; and *mana-mana penyedia insurans/takaful atau broker insurans/takaful atau penyedia perlindungan kredit secara langsung atau tidak langsung kepada Bank atau yang diperlukan bagi penyelenggaraan Pinjaman dan mana-mana dokumen transaksi yang berkaitan dengan Pinjaman; dan*
- (g) credit reference reporting agencies, governmental agencies or other financial institutions for the purpose of conducting searches or credit reference checks on me/us or any of my/our directors, shareholders, officers or any other person, individual or entity related to and or associated with me/us; and such information may be accessed and used by such credit reporting agencies, governmental agencies and/ or other financial institutions for providing credit reporting or assessment services, or assessing my/our creditworthiness or for any other purpose as BNM thinks fit; and *agensi pelaporan rujukan kredit, agensi kerajaan atau institusi kewangan lain bagi tujuan menjalankan carian atau semakan rujukan kredit ke atas saya/kami atau mana-mana pengarah, pemegang saham, pegawai atau mana-mana individu atau entiti lain yang berkaitan dan/atau bersekutu dengan saya/kami; dan maklumat tersebut mungkin diakses dan digunakan oleh agensi pelaporan kredit, agensi kerajaan dan/atau institusi kewangan tersebut untuk menyediakan perkhidmatan pelaporan atau penilaian kredit, atau menilai kelayakan kredit saya/kami atau untuk sebarang tujuan lain seperti yang difikirkan sesuai oleh BNM; dan*
- (h) such third parties as specifically identified and for the purpose(s) as stated in the respective terms and conditions governing the Loan, each account, product and/or service, which provides for the disclosure of information as well as such third parties and for the purpose(s) as identified in the CIMB Group Privacy Notice under the heading of 'Disclosure of Your Personal Information' and 'How We Use Your Personal Information' respectively. *pihak ketiga seperti yang dikenal pasti secara khusus dan untuk tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat masing-masing yang mentadbir Pinjaman, setiap akaun, produk dan/atau perkhidmatan, yang menyediakan pendedahan maklumat serta pihak ketiga tersebut dan untuk tujuan-tujuan seperti yang dikenal pasti dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB di bawah tajuk 'Pendedahan Maklumat Peribadi Anda' dan 'Cara Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda' masing-masing.*

I/We understand and agree that the consent given above cannot be withdrawn where such disclosure of my/our information is necessary for the provision of the Loan, account, product and/or

service or the performance of the contract with me/us to comply with contractual requirements or to comply with any legal requirements.

Saya/Kami faham dan bersetuju bahawa kebenaran yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik jika pendedahan maklumat saya/kami adalah perlu untuk penyediaan Pinjaman, akaun, produk dan/atau perkhidmatan atau pelaksanaan kontrak dengan saya/kami untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi dengan sebarang keperluan undang-undang.

If I/we have ticked the box under “Marketing Consent” in the application form, I/we have given my/our consent to the Bank to share my/our information (excluding information relating to my/our account) with other entities within the Group Companies and/or third parties such as business partners and strategic alliances for marketing and promotional purposes.

Sekiranya saya/kami telah menandakan kotak di bawah “Kebenaran Pemasaran” dalam borang permohonan, saya/kami memberi kebenaran kepada Bank untuk berkongsi maklumat saya/kami (kecuali maklumat berkaitan dengan akaun saya/kami) dengan entiti lain dalam Syarikat Kumpulan dan/atau pihak ketiga seperti rakan kongsi perniagaan dan/atau rakan kongsi pakatan strategic untuk tujuan pemasaran dan promosi.

I/We acknowledge and understand that the disclosure of my/our information above by the Bank to Group Companies (within Malaysia) and to third party business partners and/or strategic alliance partners for marketing and promotional purposes may be revoked or withdrawn by me/us at any time by contacting the Bank at the following address, telephone number or email address (which may be changed by the Bank from time to time by notice to me/us): Customer Resolution Unit (CRU) P. O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / email: contactus@cimb.com

Saya/Kami mengakui dan memahami bahawa pendedahan maklumat saya/kami di atas oleh Bank kepada Syarikat Kumpulan (dalam Malaysia) dan kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan/atau rakan kongsi pakatan strategik untuk tujuan pemasaran dan promosi boleh dibatalkan atau ditarik balik oleh saya/kami pada bila-bila masa dengan menghubungi Bank di alamat, nombor telefon atau e-mel berikut (yang mungkin ditukar oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada saya/kami): Unit Resolusi Pelanggan (CRU) P. O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / e-mel: contactus@cimb.com

If I/we have not ticked the box under “Marketing Consent” in the application form, I/we do not give my/our consent to the Bank to share my/our information (excluding information relating to my/our information account) with other entities within the Group Companies and/or third parties such as business partners and strategic alliances for marketing and promotional purposes.

Sekiranya saya/kami tidak menandakan kotak di bawah “Kebenaran Pemasaran” dalam borang permohonan, saya/kami tidak memberikan kebenaran kepada Bank untuk berkongsi maklumat saya/kami (kecuali maklumat berkaitan dengan akaun saya/kami) dengan entiti lain dalam Syarikat Kumpulan dan/atau pihak ketiga seperti rakan kongsi perniagaan dan/atau rakan kongsi pakatan strategic untuk tujuan pemasaran dan promosi.

- 6. ANTI-MONEY LAUNDERING:** I am/We are the principal borrower in relation to the Loan and no other person has or will have any interest in the Loan. I/We will not use the Loan for money laundering purposes or violate any laws relating to money laundering. I/We undertake to provide the Bank with all relevant information and documents, as and when requested, for purposes of verification of my/our identification and/or the source of my/our funds and/or complying with the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001

("AMLA") and other regulatory requirements. All monies which will be paid to the Bank will come from a lawful source of activity and not any unlawful activity as defined under the AMLA.

PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM: *Saya/Kami adalah peminjam utama berhubung dengan Pinjaman dan tiada orang lain mempunyai atau akan mempunyai apa-apa kepentingan dalam Pinjaman. Saya/Kami tidak akan menggunakan Pinjaman untuk tujuan pengubahan wang haram atau melanggar mana-mana undangundang yang berkaitan dengan pengubahan wang haram. Saya/Kami berakujanji untuk memberikan kepada Bank semua maklumat dan dokumen yang berkaitan, semasa dan apabila diminta, untuk tujuan pengesahan pengenalan saya/kami dan/atau sumber dana saya/kami dan/atau mematuhi Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ("AMLA") dan keperluan pengawalseliaan lain. Semua wang yang akan dibayar kepada Bank akan datang dari sumber aktiviti yang sah dan bukannya sebarang aktiviti haram seperti yang ditakrifkan di bawah AMLA.*

7. **TAXES:** I am/We are aware that the Loan/account may be subject to taxes (including but not limited to indirect taxes or withholding taxes), where applicable, as may be imposed by the Government of Malaysia or by any other government in any jurisdiction and I/we hereby further agree that I/we shall be liable for any taxes payable in connection with or arising out of Loan/account and I/we hereby authorise the Bank to debit my/our account with the Bank for the same.

CUKAI: *Saya/Kami sedar bahawa Pinjaman/akaun mungkin tertakluk kepada cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai tidak langsung atau cukai pegangan), jika berkenaan, seperti yang mungkin dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau oleh mana-mana kerajaan lain dalam mana-mana bidang kuasa dan saya/kami dengan ini seterusnya bersetuju bahawa saya/kami akan bertanggungjawab ke atas apa-apa cukai yang perlu dibayar berkaitan dengan atau timbul daripada Pinjaman/akaun dan saya/kami dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit akaun saya/kami dengan Bank untuk perkara yang sama.*

8. **DECLARATION OF FOREIGN TAX RESIDENCY STATUS:** I/We hereby confirm that (i) I am/We are not a U.S. Resident nor a Foreign Tax Resident (including current work permit); (ii) I am/We are not a U.S. Citizen or a Citizen of a U.S. Territory or a Foreign Country; and (iii) I/We do not hold a U.S. Permanent Resident Card (Green Card). Subject to the applicable local laws, I/we hereby consent for CIMB Group Holdings Berhad and all its related corporation as defined in Section 7 of the Companies Act 2016 and jointly controlled companies that provide financial and other regulated services, its parent or ultimate holding company or any of its affiliates (including branches) (collectively known as "CIMB Group") to share my/our information with domestic or overseas regulators or tax authorities where necessary to establish my/our tax liability in any/or the relevant jurisdiction. Where required by domestic or overseas regulators or tax authorities, I/we also understand and agree that CIMB Group may be required to obtain additional documents and/or forms, which I/we will sign, if I am/we are subject to the relevant jurisdiction's requirements. Where required by domestic or overseas regulators or tax authorities, I/we understand and agree that CIMB Group may withhold, and pay out, from my/our account(s) such amounts as may be required according to applicable laws, regulations, directives, and/or agreements with and/or from domestic or overseas governmental, supervisory or regulatory authorities. I/We also agree and undertake to notify CIMB Group (within 30 calendar days), or provide the information if requested by CIMB Group, if there is a change in any information which I/we have provided to CIMB Group.

PENGISYTIHARAN STATUS PEMASTAUTIN CUKAI ASING: *Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa (i) saya/kami bukan Pemastautin Amerika Syarikat mahupun Pemastautin Cukai Asing (termasuk permit kerja semasa); (ii) saya/kami bukan Warganegara Amerika Syarikat atau*

Warganegara Wilayah Amerika Syarikat atau Negara Asing; dan (iii) saya/kami tidak memegang Kad Pemastautin Tetap Amerika Syarikat (Kad Hijau). Tertakluk kepada undang-undang tempatan yang terpakai, saya/kami dengan ini membenarkan CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat berkaitan dengannya seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat-syarikat dikawal bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan lain yang dikawal selia, syarikat induk atau syarikat induk muktamadnya atau mana-mana daripada syarikat-syarikat sekutunya (termasuk cawangan) (secara kolektif dikenali sebagai “**Kumpulan CIMB**”) untuk berkongsi maklumat saya/kami dengan penguatkuasa undang-undang atau pihak berkuasa cukai dalam atau luar negara apabila perlu untuk menentukan liabiliti cukai saya/kami dalam mana-mana/atau bidang kuasa yang berkenaan. Jika dikehendaki oleh penguatkuasa undang-undang atau pihak berkuasa cukai dalam atau luar negara, saya/kami juga memahami dan bersetuju bahawa Kumpulan CIMB mungkin dikehendaki untuk mendapatkan dokumen dan/atau borang tambahan, yang akan ditandatangani oleh saya/kami, sekiranya saya/kami tertakluk kepada keperluan bidang kuasa yang berkenaan. Jika dikehendaki oleh penguatkuasa undang-undang atau pihak berkuasa cukai dalam atau luar negara, saya/kami memahami dan bersetuju bahawa Kumpulan CIMB boleh menahan, dan membayar, dari akaun saya/kami amaun yang mungkin diperlukan mengikut undang-undang, peraturan, arahan dan/atau perjanjian dengan dan/atau daripada pihak berkuasa kerajaan, penyelia atau penguatkuasa undang-undang dalam atau luar negara. Saya/kami juga bersetuju dan berjanji untuk memaklumkan Kumpulan CIMB (dalam tempoh 30 hari kalendar), atau memberikan maklumat jika diminta oleh Kumpulan CIMB, jika terdapat perubahan dalam sebarang maklumat yang saya/kami berikan kepada Kumpulan CIMB.

9. **DECLARATION ON POLITICALLY EXPOSED PERSON (“PEP”):** I/We declare that I am/we are NOT/ NOT used to be formerly a PEP¹ / Family Member of the PEP² / Close Associates of the PEP³.

Notes:

¹ Politically Exposed Person (“PEP”) - a person who is or has been entrusted with a prominent public function domestically or by a foreign country (for example, Heads of State or of government, senior politicians, senior government (includes federal, state and local government), judicial or military officials, senior executives of state owned corporations or important political party officials) or a person who is or has been entrusted with a prominent function by an international organization which refers to a member of senior management (for example, director, deputy director and member of the board or equivalent functions).

² Family Member of the PEP – a person who is related to a PEP either directly (consanguinity) or through marriage. For example, spouse, child, parents, parents-in-law or siblings for both biological or non-biological relationships.

³ Close Associates of the PEP – a person who is closely connected to a PEP, either socially or professionally. For example, extended family member such as relative (biological and non-biological relationship), financially dependent individual (e.g. a person salaried by the PEP such as driver, bodyguard, secretary), business partner or associate of PEP, prominent member of the same organisation as the PEP, individual working closely with the PEP (e.g. work colleague), close friend, political adviser, guarantor, lawyer or person acting on behalf.

PENGISYTIHARAN MENGENAI INDIVIDU YANG MEMPUNYAI PENGARUH POLITIK (“PEP”): Saya/kami mengaku bahawa saya/kami BUKAN/ TIDAK pernah menjadi PEP¹ / Ahli Keluarga kepada PEP² / Sekutu rapat PEP³.

Nota:

¹ Individu yang mempunyai pengaruh politik (“PEP”) - seseorang yang sedang atau telah diamanahkan dengan fungsi awam utama di dalam negara atau oleh negara asing (contohnya,

Ketua Negara atau kerajaan, ahli politik kanan, kerajaan kanan (termasuk kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan), pegawai kehakiman atau ketenteraan, eksekutif kanan perbadanan milik kerajaan atau pegawai penting dalam parti politik) atau seseorang yang atau telah diamanahkan dengan fungsi utama oleh organisasi antarabangsa yang merujuk kepada anggota pengurusan kanan (contohnya, pengarah, timbalan pengarah dan anggota lembaga pengarah atau fungsi yang setaraf).

² *Ahli Keluarga kepada PEP – seseorang yang berkaitan dengan PEP sama ada secara langsung (kekeluargaan) atau melalui perkahwinan. Contohnya, pasangan, anak, ibu bapa, ibu bapa pasangan atau adik-beradik untuk kedua-dua hubungan biologi atau bukan biologi.*

³ *Sekutu rapat PEP – seseorang yang berkait rapat dengan PEP, sama ada secara sosial atau profesional. Sebagai contoh, ahli keluarga besar seperti saudara-mara (hubungan biologi dan bukan biologi), individu yang bergantung dari segi kewangan (contohnya seseorang yang dibayar gaji oleh PEP seperti pemandu, pengawal peribadi, setiausaha), pekongsi perniagaan atau sekutu kepada PEP, anggota utama dalam satu organisasi yang sama dengan PEP, individu yang bekerja rapat dengan PEP (contoh rakan sekerja), kawan rapat, penasihat politik, penjamin, peguam atau orang yang bertindak bagi pihak.*

- 10. PRIVACY NOTICE ACKNOWLEDGEMENT:** I/We have accessed and/or read the Privacy Notice issued by CIMB Group which is available at the Bank's website at www.cimb.com.my or has otherwise been made available to me/us and confirm my/our agreement to the same.

PENGAKUAN NOTIS PRIVASI: *Saya/Kami telah mengakses dan/atau membaca Notis Privasi yang dikeluarkan oleh Kumpulan CIMB yang boleh didapati di laman web Bank di www.cimb.com.my atau sebaliknya telah disediakan kepada saya/kami dan mengesahkan persetujuan saya/kami kepadanya.*

- 11. PRODUCT KEY CONTRACT TERMS:** I/We acknowledge that the key contract terms affecting my/our obligations in relation to the Loan have been adequately explained to me/us and the Loan is also subject to the Bank's Terms and Conditions for **SME Quick Biz Financing**.

TERMA-TERMA KONTRAK UTAMA PRODUK: *Saya/Kami mengakui bahawa terma-terma kontrak utama yang melibatkan kewajipan saya/kami berhubung dengan Pinjaman telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami dan Pinjaman ini juga tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat **SME Quick Biz Financing** pihak Bank.*

- 12. PRODUCT DISCLOSURE SHEET & LOAN TERMS AND CONDITIONS:** I/We have read and understood (i) the Product Disclosure Sheet that sets out the key information in relation to the Loan; and (ii) the Terms and Conditions for **SME Quick Biz Financing** which is available at the CIMB website at www.cimb.com.my or has otherwise been made available to me/us and agree to be bound by the same.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK & TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PINJAMAN: *Saya/Kami telah membaca dan memahami (i) Lembaran Pendedahan Produk yang menyatakan maklumat penting berhubung dengan Pinjaman; dan (ii) Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pinjaman **SME Quick Biz Financing** yang boleh didapati di laman web CIMB di www.cimb.com.my atau sebaliknya telah disediakan kepada saya/kami dan bersetuju untuk terikat olehnya.*

- 13. DISBURSEMENT:** I/We authorise the Bank to disburse the Loan into my/our current account with the Bank. I/We agree that if no account number has been provided by me/us for the disbursement of the Loan or the account number provided by me/us for the disbursement of the Loan is invalid,

I/We hereby instruct the Bank to disburse the Loan into any of my/our active current account with the Bank or CIMB Islamic Bank.

PEMBAYARAN: *Saya/Kami memberi kuasa kepada Bank untuk melepaskan Pinjaman ke dalam akaun semasa saya/kami dengan Bank, seperti yang dinamakan oleh saya/kami dan diluluskan oleh Bank. Saya/Kami bersetuju bahawa jika tiada nombor akaun yang telah diberikan oleh saya/kami atau nombor akaun yang diberikan oleh saya/kami adalah tidak sah untuk pelepasan jumlah Pinjaman, saya/kami dengan ini mengarahkan Bank untuk mengkreditkan jumlah Pinjaman ke dalam mana-mana akaun semasa saya/kami dengan Bank atau CIMB Islamic Bank.*

- 14. USE FOR WORKING CAPITAL ONLY:** I/We declare that I am/we are applying for this Loan for working capital only and the account provided by me/us for the disbursement of the Loan is my/our current account and not a joint or third party account.

PENGGUNAAN UNTUK MODAL KERJA SAHAJA: *Saya/Kami mengisytiharkan bahawa saya/kami memohon Pinjaman ini untuk kegunaan modal kerja sahaja dan akaun yang diberikan oleh saya/kami untuk pengeluaran Pinjaman adalah akaun semasa saya/kami, bukan akaun bersama atau akaun pihak ketiga.*

- 15. STATEMENT(S) OF ACCOUNT(S) VIA EMAIL ONLY:** I/We acknowledge and agree that the latest email address given by me/us in the Loan application shall be updated in the records of the Bank. Such email address shall be used for purposes of sending me/us the statement(s) of account(s) for the Loan.

PENYATA AKAUN MELALUI E-MEL SAHAJA: *Saya/Kami mengakui dan bersetuju bahawa alamat e-mel terkini yang diberikan oleh saya/kami dalam permohonan Pinjaman akan dikemaskini dalam rekod Bank. Alamat e-mel tersebut akan digunakan bagi tujuan penghantaran penyata akaun Pinjaman kepada saya/kami.*

- 16. CONNECTED PARTY(IES):** In connection with the Bank Negara Guidelines on Credit Transactions and Exposures with Connected Parties, I/we hereby declare that to the best of my/our knowledge, I/we have **NO** close relative(s)¹ employed under the **CIMB Group** who is responsible for or has the authority to appraise and/or approve credit transactions or review the status of existing credit transactions, either as a member of a committee (e.g. Credit or Investment Committee) or individually.

Notes:

¹ Close relative means those family members who may be expected to influence or be influenced by that individual, as well as dependents of the individual. This includes the individual's: (i) spouse and dependents of the spouse; (ii) child (including stepchildren and adopted children) and spouse of the child; (iii) parent; and (iv) brother or sister and their spouse.

PIHAK BERKAIT: *Berhubung dengan Garis Panduan Bank Negara mengenai Transaksi Kredit dan Pendedahan dengan Pihak Berkait, saya/kami dengan ini mengisytiharkan bahawa setakat yang saya/kami ketahui, saya/kami **TIADA** saudara-mara terdekat¹ yang digaji di bawah **Kumpulan CIMB** yang bertanggungjawab untuk atau mempunyai kuasa untuk menilai dan/atau meluluskan transaksi kredit atau menyemak status transaksi kredit sedia ada, sama ada sebagai ahli jawatankuasa (contohnya Jawatankuasa Kredit atau Pelaburan) atau secara individu.*

Nota:

¹ *Saudara-mara terdekat bermaksud ahli keluarga yang mungkin dijangka mempengaruhi atau dipengaruhi oleh individu tersebut, serta tanggungan individu tersebut. Ini termasuk: (i) pasangan dan tanggungan pasangan; (ii) anak (termasuk anak tiri dan anak angkat) dan pasangan anak; (iii) ibu bapa; dan (iv) abang atau kakak serta pasangan mereka.*